

## Orang ramai dinasihatkan tidak buat andaian

### KUALA LUMPUR

16 Jan. - Orang ramai dinasihatkan tidak membuat andaian awal berhubung kemampuan Izz Imil Shahrums kerana dikhuatiri boleh memberi tekanan kepada pelajar pintar itu.

Pengarah Pusat Permata Pintar

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Noriah Mohd. Ishak berkata, meskipun Izz Imil

memasuki pengajian di sini, namun dia hanya mengambil dua mata pelajaran sahaja iaitu Matematik dan Kimia dan tidak mengikuti pembelajaran lain supaya tidak terlalu memberi tekanan kepada kanak-kanak itu.

"Sebelum diterima kemasukan ke peringkat Asas 1 di sini, Izz Imil telah berjaya memenuhi kriteria yang ditetapkan dan melepasi tiga ujian iaitu UKM1, UKM2 dan UKM3 sebagai syarat utama bagi melayakkan dia memasuki kolej ini.

"Izz Imil memiliki kepintaran luar biasa dalam menguasai pengetahuan yang lebih tinggi dan saya sendiri menguji kebolehan dia dengan membuat pemerhatian selama tiga minggu ketika menyertai program Perkhemahan Cuti Sekolah Permata Pintar dan mengiktiraf dia memiliki kebolehan luar biasa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



**NORIAH MOHD. ISHAK**

# Jaga pemakanan, doa, niat - Ilya

**KUALA LUMPUR 16 Jan.** - Penantian hampir enam tahun selepas berumahtangga untuk dikurniakan cahaya mata membuatkan ibu kepada kanak-kanak pintar, Izz Imil Shahrums memberi tumpuan sepenuhnya berkaitan penjagaan pemakanan berkhasiat untuk anak tunggalnya.

Menurut ibunya, Ilya Abdul Azizi, penjagaan pemakanan seimbang dan berkhasiat membolehkan anak tersebut membesar dengan sempurna.

"Rezeki lambat memiliki cahaya mata sehingga tempoh enam tahun menunggu membuatkan saya lebih teliti dalam pemakanan.

"Ketika tempoh menyusui, saya sendiri masih mengamalkan pemakanan sihat dan sering membacakan doa dengan niat sebelum memberi Izz Imil makan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pelajar pintar itu menjadi tumpuan selepas terpilih sebagai sebahagian daripada 137 pelajar yang mendaftar masuk Kolej Permata Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi untuk meneruskan pengajian Asas 1 dan Tahap 1 bagi sesi 2018.

Semalam, Izz Imil muncul sebagai kanak-kanak paling muda di negara ini mendaftar sebagai pelajar berikutan berkebolehan menakjubkan yang mempunyai 'kelebihan' menyelesaikan soalan dalam subjek Matematik dan Kimia tingkatan empat.

Ilya yang juga kakitangan sebuah syarikat gas dan minyak di ibu kota berkata, dia mula mengesan kelainan Izz Imil kerana terlalu minat angka ketika usianya menginjak setahun lebih.

"Pada usia dua tahun setengah kami mendapat pengesahan doktor selepas berjumpa dengan pengarah autisme di sebuah hospital di luar negara yang menerangkan anak lelaki kami menghidap autistik," kata wanita kelahiran Johor Bahru itu.

Katanya, sejak itu, dia terus memberi dorongan kepada anaknya dengan mengambil pendekatan mengajarnya dengan melabelkan semua perkara menggunakan angka bagi membantu Izz Imil menjalani hidup seperti kanak-kanak lain.

Izz Imil akan memulakan pemb-



**IZZ IMIL SHAHRUM** (kanan) bersama rakan-rakan ketika menyertai perkhemahan *Want to be Scientist* anjuran Permata Pintar UKM, Bangi, baru-baru ini.



Pada usia dua tahun setengah kami berdua mendapat pengesahan doktor selepas berjumpa dengan pengarah autisme di sebuah hospital di luar negara yang menerangkan anak lelaki kami menghidap autistik."

**ILYA ADDUL AZIZI**  
Ibu

elajaran di Permata Pintar mulai Selasa depan dan kini menghabiskan cuti dengan aktiviti seperti kanak-kanak lain yang sebaya dengannya sebelum meneruskan ke kelas di kolej berkenaan.

"Walaupun dia akan bersekolah di Permata Pintar dengan mengambil dua mata pelajaran sahaja iaitu Matematik dan Kimia, tetapi kami turut menyusun kelas lain supaya tidak tertekan dengan jadual ketat," katanya sambil memberitahu anaknya kini meng-

hafal dan membaca beberapa surah dalam al-Quran.

Ilya dan suaminya, Shahrums Abdul Ghani masih meneruskan terapi kepada Izz Imil dan kini sedang mencari yang bersesuaian dengan keadaan anaknya itu.

Katanya, walaupun anaknya menyukai dunia angka dan sering berjaya menyiapkan permasalahan dalam matematik, namun Izz Imil juga berminat dengan perkara lain termasuk bermain blok sebagai rutin hariannya.